

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 31 RABU 30 JULAI, 1969 1389 جمادى الاول 15 رابو PERCHUMA

D.Y.M.M. Raja Isteri selamat meluaran sa-orang Puteri

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dengan selamat-nya telah meluaran sa-orang puteri pada pukul 6.00 petang, hari Sabtu 26 Julai, 1969 bersamaan dengan 11 Jemadil-awal, 1389.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri lahir dengan berat badan 6 pound dan 8 ounce dan telah di-lahirkan dengan chara pembedahan di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri ada-lah dalam keadaan sehat wal-afiat.

Sa-baik2 saja Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri lahir pada pukul 6.00 petang, maka tembakan meriam sa-banyak 21 das pun di-lepaskan.

Dengan titah perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di - Pertuan Negeri Brunei, maka hari Isnin 28 Julai lepas telah di-istiharkan sa-bagai hari kebebasan awam.

Sa - bagai menandakan keshukoran kerana kelahiran Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri itu, maka Istiadat Membuka Gendang Jaga2 pun di-mulakan pada hari Ahad lepas dengan iringan tembakan meriam 21 das. Istiadat berjaga2 di-Istana

Darul Hana itu akan berjalan sa-lama dua minggu.

Di-antara yang hadir di-Istiadat Membuka Gendang Jaga2 yang berlangsung di-Balai Pemajangan Indera Kenchana Istana Darul Hana itu termasuk-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli-Duli Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Mulia Pengiran2 dan Yang di - Mulia akan Menteri2.

Pada hari Ahad lepas juga, seluruh Imam2 di-masjid2 Negeri Brunei telah di-arahkan supaya membaca doa keshukoran sa-lepas menunaikan sembahyang ferduhu maghrib atas selamat-nya lahir Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri itu.

KEMUNCHAK PERAYAAN DI-DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT. — Kemunchak perayaan sa-lama sa-minggu di-Daerah Belait bagi meraikan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23 tahun telah berlangsung dengan satu upacara perbarisan yang terbesar yang di-adakan di-padang di-antara Jalan Penglima dan Jalan Bunga Raya di-Kuala Belait pada hari Ahad lepas.

Perbarisan itu di-kepalai oleh Pasokan Pulis Di-Raja Brunei dan lain2 pasokan yang mengambil bahagian ada-lah terdiri dari kaki-tangan Jabatan Kastam, pandu2 puteri, pengakap, Palang Merah dan kanak2 sekolah.

Pasokan pencharagam Pulis Di-Raja Brunei telah juga mengambil bahagian dalam perbarisan itu dan perbarisan tersebut ada-lah di-bawah arahan ASP Abu Zar bin Abu Bakar.

Wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkihah telah berangkat tiba di-upacara itu dan menerima tabek di-raja dari sa-buah pentas yang di-bena khas.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong telah memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari pasokan Pulis Di-Raja dan kemudian memeriksa perbarisan yang lain dengan menaiki sa-buah land rover.

Kemudian-nya pasokan pencharagam Pulis Di-Raja Brunei berbaris melalui pentas di-raja itu di-ikuti oleh lain2 pasokan yang mengambil bahagian dalam upacara itu.

Ini di-ikuti oleh tembakan meriam sa-banyak 21 das dan tembakan senapang.

Perbarisan itu di-akhiri dengan tiga kali sorak 'Daulat Tuanku' dari pererta2 perbarisan yang di-kepalai oleh pasokan Pulis Di-Raja Brunei.

Kemudian-nya Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pe-

(LIHAT MUKA 2)


D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan akan merasmikan Seminar Pendidikan

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan akan merasmikan pembukaan Seminar Pendidikan yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei pada hari Jumaat 1 Ogos.

Seminar yang julong2 kalinya di-anjorkan oleh Majlis itu akan di-adakan di-Sekolah Menengah Arab Hassanul Bolkihah sa-lama tiga hari.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan menutup seminar yang berjalan sa-lama tiga hari berturut2 itu pada 3 Ogos jam 7.45 malam bertempat di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

(Lihat Muka 8)



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkihah selaku wakil peribadi D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Di-Pertuan sedang memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari anggota2 Pulis Di-Raja Brunei.

Dua ka-Sidang Penasihat Haji

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Sabtu lepas untuk menghadiri Sidang Jawatankuasa Penasihat Haji di-Kuala Trengganu.

Mereka ia-lah Awang Haji Abdullah bin Metassan, Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Awang Kassim bin Haji Ahmad, Pegawai Urusan Haji jabatan itu.

Persidangan itu di-adakan di-Bilik Gerakan Pejabat Setia Usaha Kerajaan Trengganu dan telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pemangku Raja Trengganu pada 28 Julai lepas.

A L H A M D U L I -
LAH, segala puji-pujian terpulang bagi Allah Subhannahu Wata'ala dan Beta mengucap selawat dan salam kepada Junjongan Besar Muhammad Sallallahu-alaihi-wassallam.

Raayat dan penduduk Daerah Belait yang Beta kasehi.

Beta mengucap shukor dan terima kaseh atas ucapan keshukoran yang telah di-lafadzkan oleh yang berbahagia Pegawai Daerah Belait yang tulus ikhlas itu atas sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia Beta yang ke-23. Segala sembah keshukoran dan ikrar ta'at setia terhadap Beta dan Kerajaan Beta itu ada-lah akan tetap menjadi kenangan Beta untuk lebeh memperkokohkan azam dan tekad Beta dan Kerajaan Beta bagi membangun Brunei Darul Salam ini ka-arrah keselamatan, kemakmoran, kesejahteraan dan kesentosaan mengikut peredaran zaman.

Awang2 dan Dayang2 sekalian.

Sa-telah Beta mendengar ucapan yang berbahagia Pegawai Daerah sa-bentar tadi dan menyaksikan sa-banyak sedikit sambutan perayaan di-daerah ini, Beta sunggoh-sunggoh merasa kagom dan gembira pada mengetahui bahawa Kerajaan Beta di-Daerah Belait ini ada-lah giat dan tidak-lah juga ketinggalan pada menjalankan dan laila menghulurkan perkhidmatan-perkhidmatan serta membekalkan kemudahan-kemudahan yang memberi raayat dan penduduk-nya untuk dapat hidup dengan aman sejahtera dan di-dalam kemakmoran serta kesentosaan sa-bagai melambangkan Kerajaan Beta pada keseluruhannya yang progresif lagi dinamik.

Tidak-lah ada chandra laila ingatan yang mengembirakan Beta pada perayaan Puja Usia Beta ini sa-lain dari dapat melihat dan benar-benar memahami bahawa raayat, penduduk dan isi Negeri Brunei Darul Salam yang Beta kasehi ini dapat berada sentiasa dalam keselamatan, kesejahteraan, kemakmoran dan kesentosaan yang tidak putus-putus-nya turun temurun zaman berzaman dalam kesejahteraan mengimbangi peredaran masa dan kehendak-kehendak dunia moden. Beta dan Kera-

TITAH D.Y.M.M.

KAPADA PENDUDOK2 DI-DAERAH BELAIT SEMPENA MENYAMBUT HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG DI-RA'IKAN DI-DAERAH ITU PADA HARI AHAD 27 JULAI.

jaan Beta ada-lah penoh perchaya dan mempunyai azam dan kemahuan untuk terus dapat melihat Negara Brunei yang di-chintai ini akan laila bergerak maju, baik di-lapangan ekonomi, sosial mahu pun dari segi berikhtiar laila berusaha yang sa-jajar dengan kehendak-kehendak pada mengelokkan kehidupan raayat dan penduduk supaya sa-taraf dengan laila zaman.

Kerajaan Beta, sa-bagai sebuah Kerajaan yang benar-benar mementingkan laila kebajikan, usaha2 yang mendatangkan munafa'at kepada negeri teboran jasa budi yang maseh berkesan yang dapat di-saksikan oleh laila penglihatan. Demikian juga segala perkembangan2 yang laila dan benar2 berfaedah mahu pun yang dilaksanakan, sedang di-laksanakan dan yang akan di-laksanakan ada-lah untuk negeri yang mempunyai laila isi dalam-nya supaya dapat menikmati-nya.

Awang2 dan Dayang2 sekalian.

Kapada mereka2 yang ingin menyelewengkan, membuat di'ayah2 palsu dan anchaman2 merbahaya yang akan mengurbankan nyawa dan yang akan menchederakan nama baik orang, dan yang akan mengachau - bilaukan, maka Brunei Darul Salam bukan-lah bumi bagi ketempatan mereka sabagai raayat, mereka hanya akan menjadi raayat buangan

atau raayat balok penjara.

Beta ingin menegaskan sekali lagi bahawa segala jajak laila langkah Beta dan Kerajaan Beta ada-lah sa-mata2 pada melahirkan keselamatan, keamanan, kemakmoran dan kesentosaan raayat dan penduduk Beta yang di-kasehi bagi sa-lama2-nya melambangkan, mengharumkan Negara Brunei ini sesuai dengan sebutan Darul Salam-nya. Kerana itu-lah Negara Brunei ini tiada bertempat bagi raayat yang berpura-pura menumpahkan kaseh sayang dan ta'at setianya yang hanya di-buat2 sabagai helah bagi kepentingan diri mereka atau mana2 pehak. Beta penoh harapan raayat dan penduduk Daerah Belait khusus-nya dan Negeri Brunei umum-nya laila sadar dan terus menerus akan mengaminkan, mendoakan dan menyahut kesejahteraan, perlaksanaan, ikhtiar laila usaha Beta dan Kerajaan Beta, perkembangan2 pembangunan ekonomi laila aneka jurusan, pada menganut laila kehormonian sosial dan bagi mengeratkan persahabatan Negeri Brunei dengan Kerajaan United Kingdom, lebeh2 lagi pada mengukuhkan perjanjian pertahanan bersama dengan Kerajaan Baginda Queen mengenai kawalan dan mempertahankan Keselamatan luar dan dalam negeri kita Brunei Darul Salam.

Awang2, Dayang2 dan Penduduk serta Pegawai2 Kerajaan Daerah Belait sekalian.

Beta dengan ini menyampaikan sekali lagi mengucap keshukoran dan terima kaseh Beta terhadap laila ingatan Awang2 dan Dayang2 sekalian pada hari yang berbahagia bersempena perayaan Puja Usia Beta yang ke-23 ini. Beta sunggoh2 merasa sukhachita atas daya upaya Awang2 dan Dayang2 saperti di-lafadzkan dalam ucapan yang berbahagia Pegawai Daerah Belait pada memboktikan betapa raayat dan penduduk di-daerah ini chintakan keselamatan kemakmoran, kesejahteraan dan kesentosaan. Beta tidak juga lupa mengucap shukor dan banyak menerima kaseh atas jasa2 Pegawai2 yang di-datangkan dan Pasokan Pulis Di-Raja, Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan tentera Baginda Queen yang telah memberikan perkhidmatan chemerlang, perlu bagi ketenteraman negeri kita Brunei Darul Salam.

Akhir-nya, Beta bermohon kepada Allah Subhannahu Wata'ala semoga raayat, penduduk dan isi Negeri Brunei ini di-beri-Nya rahmat kebajikan dan kekal dalam keselamatan, kebahagiaan, kemakmoran dan kesentosaan yang tiada luput zaman berzaman.

Terima Kaseh.

Sambutan Puja Usia D. Y. M. M. di-Daerah Belait

(DARI MUKA 1)

ngiran Temenggong berangkat ka - Dewan Kemasharakatan bagi Istiadat Mengadap dan mengurniakan Bintang dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei.

Yang Teramat Mulia telah membachakan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei kepada penduduk2 daerah itu.

Terdahulu dari itu Pemangku Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Matnoor MacAfee telah menyembahkan ucapan tahniah bagi pehak pegawai2 kerajaan dan penduduk2 Daerah Belait.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong telah juga

menerima sembah ucapan keshukoran yang tidak di-bachakan dari wakil2 kaum dan persatuan2 belia di-daerah itu.

Ini di-ikuti oleh istiadat mengurniakan Bintang dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei kepada 18 orang.

Senarai penerima itu di-dahului oleh Awang Kelvin David Voltze yang menerima Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati Darjah ketiga - S.M.B.

Awang Haji Mohammad Noor bin Awang telah di-kurniakan Pingat Hassanal Bolkih Sultan Pangkat Pertama dan Awang Wong Chin Chew di-kurniakan Pingat Hassanal Bolkih Sultan Pangkat Kedua.

Tujuh orang telah menerima Pingat Kerja Lama dan lapan orang di-kurniakan Pingat Indah Kerja Baik.

Mereka yang di-kurniakan Pingat Kerja Lama ia-lah Awang Tengah bin Taha, Awang Ahmad bin Ghani, Awang Md. Said bin

Fatimah, Awang Ahmad bin Samat, Awang Arbi bin Ahmad, Awang Hanafiah bin Bungsu dan Awang Sabli bin Gemok.

Pingat Indah Kerja Baik di-kurniakan kepada Awang Johari bin Ismail, Yang Mulia Pengiran Ahmad bin Pengiran Mat Salleh, Awang Cheong Keong Thong, Awang Mintek bin Munggu, Awang Haji Sepawi bin Metasim, Awang Ramli bin Jamaluddin, Awang Mohidin bin Abd. Kadir dan Awang Liew Lock.

Di-antara yang hadir di-upacara itu ia-lah, Ketua Surohaniaya Tinggi British, Awang E.W. Bird, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Cheteria2 pembesar2 negara, ahli2 Majlis2 Mashuarat, pemimpin2 kaum dan pegawai2 kerajaan.

Majlis itu di-akhiri dengan bacahan do'a selamat oleh Yang Mulia Kadhi Daerah Belait, Awang Abdul Salam bin Abdul Razak.

KHUTBAH JUMA'AT

KITA telah merayakan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 tahun, yang mana perayaan hari keputeraan itu telah disambut oleh raayat dan penduduk negeri ini dengan kegembiraan yang di-liputi oleh perasaan kasih sayang kepada Baginda.

Pada hari keputeraan itu Baginda telah melafadzkan titah dari patarana di-Lapau Brunei antara lain Baginda telah menegaskan seperti berikut:

"Beta ingin menegaskan bahawa bumi Brunei ini tidak mempunyai lapangan untuk menjadi tempat kediaman yang jati chara berpura2".

Hidup berpura2 sangat-lah merugikan dan membahayakan. Perkara seperti ini jika ditinjau dari sudut Al-Koran maka akan kita dapati Tohan menegaskan dalam surah Al-Baqarah ayat 7 hingga 8 yang bermaksud bahawa:

"Dan di-antara manusia ada yang mengatakan, kami beriman kepada Allah dan hari kiamat yang sa-benar-nya. Mereka itu bukan-lah orang2 yang beriman, mereka itu hendak menipu Allah dan menipu orang2 yang beriman, tetapi mereka itu hanya menipu diri mereka sendiri dan sa-benar-nya mereka tidak menyedari".

Hidup berpura2 salah satu daripada-nya ia-lah di-sebabkan oleh kejahilan atau tiada pengertian kerana itu kejahilan mustahak-lah di - benteras dalam sa-genap bidang, bagitu juga pengertian hendak-lah ada kepada raayat dan penduduk neegri ini. Umpama-nya kita hendak-lah mengerti akan tujuan sa-suatu projek perkembangan dan kemajuan itu dilaksanakan. Dengan ada-nya pengertian yang sa-demikian akan timbul-lah keinsafan untuk menggunakan segala kemudahan2 dan perkhid-

matan2 yang di-sediakan demi untuk meninggikan taraf hidup yang berkebakjikan.

Dalam pada itu hidup berpura2 ada juga di-timbulkan oleh niat yang jahat, kerana perkara ini dapat di-tinjau dari sudut sejarah Islam semasa peperangan hud kaum munafik yang di-ketuai oleh Abdullah bin Ubai telah menarek diri dari bersama2 dengan pengikut2-nya yang berjumlah sa-ramai 300 orang dari angkatan tentera Rasulullah Salallahu-alaihi-wassalam sa-chara mengejut di-sa'at yang genting. Maka titah Duli Yang Maha Mulia peri-

HIDUP BERPURA2 SANGAT MERUGIKAN DAN MEMBAHAYAKAN

D. Y. M. M. telah bertitah:

"Beta ingin menegaskan bahawa bumi Brunei ini tidak mempunyai lapangan untuk menjadi tempat kediaman yang jati chara berpura2".

menekankan bahawa bumi Brunei ini tidak mempunyai lapangan untuk menjadi tempat kediaman yang jati chara berpura2 ada-lah kena pada tempat-nya demi untuk menjadikan Brunei benar2 bersifat Darussalam yang aman, makmor dan kebajikan.

Oleh yang demikian hendaklah kita kaum muslimin sekalian berdo'a kepada Allah semoga di-ampuni dosa kita dan pekerjaan kita tidak melanggar tegahan-nya serta menegakkan pendirian kita terus berpegang dan beramal menurut ajaran ugama kita.

**54 orang
lulus dalam
pereksa trengkas
dan menaip**

BANDAR BRUNEL. — Sa-ramai lima puluh empat orang chalun, enam belas orang chalun trengkas dan tiga puluh lapan orang dalam menaip, telah lulus dalam peperiksaan2 trengkas dan menaip yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Brunei bulan lepas.

Tiga puluh enam orang telah mengambil peperiksaan trengkas dan tujuh puluh sembilan yang lain-nya telah mengambil peperiksaan menaip.

Sebelas orang di-antara enam belas orang yang telah berjaya dalam peperiksaan trengkas telah lulus dalam peringkat permulaan, empat dalam peringkat menengah dan sa-orang dalam peringkat tertinggi.

Dalam peperiksaan menaip, di-antara 38 orang yang lulus itu, 18 dalam peringkat permulaan, 14 dalam peringkat menengah dan enam orang dalam peringkat tertinggi.

Satu surat keliling Jabatan Pelajaran berkata, chalun2 yang gagal dalam peperiksaan itu dan ingin menyambung semula pelajaran mereka hendak-lah berhubung dengan guru2 mereka sa-che-pat mungkin.

Surat keliling itu mengingatkan bahawa hanya chalun2 yang menghadiri kelas2 sahaja di-benarkan mengambil peperiksaan trengkas dan menaip di-masa depan.

40 peratus kerja2 membena Sekolah Persediaan Tutong telah selesai

PEKAN TUTONG. — Empat puluh peratus dari kerja pembenaan Sekolah Menengah Persediaan di-Tutong telah selesai. Pembenaan yang di-mulakan pada 1 Disember tahun lepas di-jadualkan siap pada penghujung 1970.

Sekolah persediaan dan menengah itu akan mempunyai enam belas bilek darjah tiap2 satu. Bahagian Menengah sekolah itu akan mempunyai dua tingkat dan akan di-sediakan dengan ruang bagi darjah2 tambahan.

Rangkaian sekolah itu akan mempunyai sa-buah padang bola sepak, padang tennis dan lorong bagi lumba lari yang

panjang-nya empat ratus meter.

Penuntut2 akan di-tempatkan di-asrama2 yang boleh menampung kira2 200 murid2 lelaki dan 200 murid2 perempuan.

Asrama2 itu akan di-bena dalam empat blok yang berasingan dan tiap2 blok akan menampung sa-ratus orang.

Tiap2 blok akan di-lengkapkan dengan sa-buah bilek bachean dan kemudahn2 bagi menchuchi pakaian.

Lain2 kemudahan yang di-adakan di-sekolah itu termasuk sa-buah perpustakaan yang berhawa dingin, sa-buah dewan yang lengkap dengan sa-buah pentas.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 30 Julai, 1969 hingga ka-hari Selesa 5 Ogos, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
30 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	5-42	4-57	6-15
31 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	5-42	4-58	6-16
1 Ogos		12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
2 Ogos		12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
3 Ogos		12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
4 Ogos		12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16
5 Ogos		12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

30 Julai, 1968

JULAI

DI-SEPANJANG bulan Julai ini ada-lah merupakan detik2 yang amat penting untuk di-jadikan chatetan dalam buku2 dairi tiap2 orang raayat negeri ini terutama sekali pada yang benar2 mengakui yang bumi Brunei ini ada-lah tumpah darah mereka.


Julai bukan sahaja membekalkan kita di-liputi oleh suasana kegembiraan yang tiada tara-nya dan mengikuti kejayaan chemerlang yang di-chapai oleh angkasawan2 Amerika berhijrah ka-bulan, tetapi juga membawa peringatan yang penting dalam soal kerukunan hidup di-kalangan umat manusia, khas-nya penduduk2 Brunei Darussalam ini.

Sejak 15 Julai yang lalu, Brunei dapat-lah di-bayangkan sa-bagai sa-buah negara yang raayat-nya sa-olah2 tidak kenal kapada bayang2 kesedehan kerana di-sepanjang waktu itu bumi negara di-tumpati dengan kegembiraan yang tiada tara-nya kerana meraikan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 tahun. Hakikat ini lebeh menguatkan lagi nilai2 kerukunan dan kebahagiaan yang memang kita waritih sejak bertahun2 di-tambah pula dengan keinginan yang jati untuk terus menikmati suasana keamanan dan kesejahteraan itu hingga ka-akhir zaman.

Julai ada-lah merupakan letusan kegembiraan dan keriang yang bukan kepalang hebat-nya, kerana ia-nya merupakan kemunchak dari segala bulan keriang dan bulan yang merupakan pembaharuan ikrar dalam menchipta dan memperhebat perkembangan dan kemajuan negara — membaharui usaha2 pada meninggikan nilai2 keamanan dan ketenteraman dan membaharui tekak pada mengeratkan hubungan berbaik2 antara satu dengan yang lain atau dengan lain2 perkataan mengeratkan perpaduan yang lebeh kukuh demi untuk keharuman nama baik negara.


Dalam bulan Julai juga, bergema dari daerah ka-daerah ucapan2 yang melaungkan kelimat ikrar taat setia dan akan terus menyumbangkan kerjasama yang di-perlukan demi untuk benar2 membangun negara dengan keharuman nama-nya buat sepanjang masa. Memang tidak lain yang kita sama2 kehendaki pada merenongkan ikrar yang penting itu sa-lain dari keinginan yang meluap2 pada menyaksikan buah2 hasil dari tanaman pokok ikrar itu. Biar-lah buah2 itu akan masak ranum dan enak apabila di-pandang dan lebeh nyaman lagi apabila buah itu di-kunyah dan di-nikmati kelak.

Dalam gema kegembiraan raayat meraikan hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan, maka kegembiraan itu terus sambong apabila menyambong apabila D.Y.M.M. Seri Paduka Raja Isteri dengan selamat-nya meluahkan sa-orang puteri, bakal seri kandi dan tiang negara. Semoga Allah panjangkan usia Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri dalam keadaan sihat wal-afiat.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiah selaku wakil peribadi D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang membalas tabek hormat Di-Raja sa-baik2 saja Yang Teramat Mulia itu menaiki pentas yang di-bena khas kerana upacara perbarisan kehormatan bagi memperingati Hari Keputeraan Baginda yang ke-23 tahun di-Daerah Belait. Disabelah kiri Yang Teramat Mulia ia-lah DSP. Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Gambar ini menunjukkan, Datin Fatimah, isteri kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait Dato Paduka Awang Matnoor Mac-Afee (sa-belah kanan) sedang menyampaikan piala kemenangan kepada Dayang Naemah binte Haji Razali dalam peraduan masak2an dan jahitan2 serta gubahan bunga yang di-anjorkan oleh Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong dengan menaiki land-rover Pulis Di-Raja kelihatan sedang memeriksa perbarisan yang terdiri dari pegawai2 kastam, pengakap, pandu puteri dan palang merah.



Sa-bahagian dari orang ramai yang menyaksikan upacara perbarisan kehormatan yang berlangsung di-tanah lapang Panglima.

Sa-bahagian dari gubahan bunga2an yang menyertai peraduan gubahan bunga di-Pekan Belait.

KEMUNCHAK PERAYAAN DI-DAERAH BELAIT




Gambar ini menunjukkan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar (memakai topi) yang mewakili Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong ketika berada di-pertunjukan bunga2an dan orket pada petang hari Ahad lepas.

Sa-bahagian dari orang ramai yang menyaksikan peraduan masak2an yang di-anjorkan oleh Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait.

Ini-lah salah satu pintu gerbang yang di-dirikan di-Daerah Belait.

Suresh Janerdanan kelihatan sedang memandu Go-kart-nya dalam perlumbaan 10 keliling di-Pekan Belait. Dalam perlumbaan ini Suresh telah mendapat tempat pertama.



Ini-lah sa-bahagian dari sulam2an yang menyertai peraduan di-Pekan Belait.

Pasokan Tarek Kalat D.Y.M.M. (sa-belah kiri) dengan sa-kuat tenaga sedang mengadu kehandalan-nya, sementara pasokan Daerah Belait (kanan) mempertahankan-nya dengan bersungguh2. Namun demikian pasokan Belait telah tewas juga dalam kedua2 pusingan. Di-tengah2 yang memakai pakaian hitam itu ia-lah Yang Mulia Pengiran Haji Buntar yang mengetuai pasokan D.Y.M.M. yang juga mengawasi perlawanan tersebut.



AHLI2 M.M.N. MELAWAT KA-KHEMAH A.M.D.B.

BERAKAS. — Satu rombongan lapan orang ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah mengadakan lawatan sambil memerhati ka-khemah pasukan Askar Melayu Di-Raja di-Berakas pada hari Khamis lepas.

Perlawanan

Sepak Takraw

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan menganjorkan perlawanan Sepak Takraw bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 tahun.

Perlawanan tersebut ada-lah terbuka kepada semua Persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan, kelab2 dan sekolah2 di-Daerah Brunei/Muara.

Is-nya akan di-bahagikan kepada dua kumpulan — kumpulan 'A' dan kumpulan 'B'.

Tiap2 persatuan2, sekolah2, jabatan2 kerajaan dan kelab2 boleh menghantar dua pasukan mengandungi lima orang tiap2 satu pasukan.

Bayaran masokan bertanding akan di-kenakan sa-banyak \$8.00 bagi kumpulan 'A' dan \$7.00 bagi kumpulan 'B'.

Borang2 masok bertanding boleh di-dapati daripada Pengiran Ibrahim bin Pengiran Damit, Jabatan Pelajaran, Awang Zaidi bin Mohammad Taha, di-S.M.M.P., Awang Muhammad Ismail, Maktab Perguruan, Awang Idris Hamid, di-S.M.J.A. Pusu Ulak, dan Awang Masni Hussain di-S.M.M.P. Padang.


Sa-tiba mereka di-khemah tersebut, rombongan itu telah di-sambut oleh Adjutant Askar Melayu Di-Raja, Kapitan Musa bin Yakub.

Sa-belum di-bawa melawat ka-kawasan perkhemahan, ahli2 Yang Berhormat itu telah di-beri penerangan di-bilek gerakan mengenai dengan tugas2 dan kewajipan regiment itu oleh Pegawai Pemerintah, Lt. Col. J.J.H. Simpson.

Sa-lepas itu mereka telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian di-khemah tersebut antara-nya mess pegawai, sekolah, rumah sakit, dewan gymnastik, madrasah dan landasan helikopter.

Pelawat2 itu juga telah berpeluang menyaksikan latehan jasmani dan bernang, pertunjokkan senjata2 ringan, alat pasukan pembantu dan permainan pasukan pancharagam regiment itu.

Di-sebelah petang-nya ahli2 Yang Berhormat itu telah di-bawa ka-pangkalan laut pasukan itu di-Muara dengan menaiki pesawat hovercraft dimana mereka menyaksikan alat2 kelengkapan pasukan laut pertama, kapal ronda Pahlawan dan kapal ronda yang lain.



Sa-bahagian dari ahli2 Majlis Mashuarat Negeri sedang di-beri penerangan oleh Major Bakmand, Pegawai Pemerintah Pasukan Laut Pertama AMDB (kanan sekali) ketika ahli2 Yang Berhormat itu berada di-atas kapal ronda 'Pahlawan'.

104 orang sertai perlumbaan basikal di-Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Sa-ramai 104 orang peserta telah mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal di-Daerah Tutong yang di-adakan sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi daerah itu.



Perlumbaan telah di-bahagikan kepada perlumbaan jarak jauh dari Telisai hingga ka-padang Sekolah Melayu Muda Hashim, lumba 15 pusingan mengelilingi padang tersebut, sepuluh pusingan bagi kanak2 lelaki dan satu perlumbaan basikal berganti2 lapan pusingan yang hanya terbuka kepada perstuan2 belia di-Daerah Tutong.

Keputusan2 perlumbaan ada-lah seperti berikut:—

Lumba basikal jarak jauh bagi basikal biasa: Pertama — Kafil bin Masri; kedua — Onn Swee Foo dan ketiga — Alias bin Bakir.

Lumba basikal jarak jauh bagi basikal sport: Pertama — Abdul Raub bin Duraman; kedua — Harris bin Haji Mohammad Wali dan ketiga Mohammad Taib bin Jumat.

Lumba 15 pusingan bagi orang2 dewasa: Pertama — Harris bin Haji Mohd. Wali; kedua — Alias bin Bakir dan ketiga — Chung Kuan Seng.

Lumba 10 pusingan bagi kanak2 lelaki: Pertama — Isa bin Besar; kedua — Mohd Yunus bin Kani dan ketiga — Moktar bin Metali.

Perlumbaan berganti2: Pertama — PESAKA; kedua PRIMET dan ketiga Tanjung Maya.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh.

Gambar atas: Awang Kafil bin Masri, pemenang pertama dalam perlumbaan jarak jauh bagi basikal biasa. Sementara gambar kiri menunjukkan ketika peserta2 yang mengambil bahagian dalam perlumbaan jarak jauh sedang memulakan perlumbaan.

Perlawanan merebut Piala Borneo di-tanggohkan

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei, Pengiran Idriss bin Pengiran Shahbandar Haji Mohammad menyatakan bahawa perlawanan bola sepak bagi merebut Piala Borneo mungkin di-tanggohkan ka-satu tarikh sa-lepas bulan Ogos ini, ia-itu masa yang biasa-nya di-langsungkan perlawanan itu pada tiap2 tahun.

Beliau berkata penangguhan itu ia-lah berikutan bantahan dari Kesatuan Bola Sepak Malaysia yang menyatakan bahawa perlawanan itu tidak boleh di-jalankan kerana Brunei bukan menjadi ahli Persekutuan Bola Sepak Asia — AFC atau Persekutuan Kesatuan Bola Sepak Antara Bangsa — FIFA.

Pengiran Idriss menegaskan bahawa beliau telah pun menghantar permohonan rasmi untuk menjadi ahli AFC dan FIFA dalam bulan Mei lepas.

Beliau juga telah mengirimi telegram kepada kedua2 badan persatuan bola sepak itu, sa-telah di-adakan satu mashuarat di-Brunei antara wakil2 Sabah dan Sarawak.

Pengiran Idriss berkata, setakat ini belum ada jawapan yang diterima.

Walau bagaimanapun beliau merundingkan perkara itu sa-

hingga memperolehi keputusan yang memuaskan.

Perlawanan bola sepak Piala Borneo di-adakan pada tiap2 tahun di-antara negeri2 Sabah, Sarawak dan Brunei sa-lama sembilan tahun.

Pada masa ini Brunei ia-lah pemegang piala tersebut.



Lebih 2,000 kanak2 masok Sekolah tahun depan

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran telah mendaftarkan lebih dari 2,000 orang kanak2 yang di-lahirkan sa-belum 1 Julai tahun 1963, untuk masok ka-sekolah2 rendah Melayu di-seluruh negeri tahun hadapan.

Pendaftaran itu telah di-jalankan sa-lama beberapa bulan dan telah di-tutup pada 31 Mei lepas.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, jumlah murid2 di-sekolah2 Melayu akan bertambah sedikit dalam tahun 1970, apabila penggal bahru persekolahan di-mulakan.

Murid2 baru itu akan di-masokkan ka-sekolah2, sa-minggu selepas sekolah2 dibuka sa-mula dalam bulan Januari tahun hadapan.

Tahun ini lebih dari 2,400 orang kanak2 telah di-masokkan ka-sekolah2 rendah Melayu dan ini menjumlahkan kepada 17,000 orang murid yang sekarang belajar di-sekolah2 rendah Melayu di-seluruh negeri.

Gerakkan menyembor ubat DDT

BANDAR BRUNEI. — Projek Penghapus Malaria dalam lapangan yang di-keluarkan tiga bulan sekali menyatakan, dalam masa dari bulan Januari hingga Jun tahun ini, kaki tangan jabatannya telah menjalankan gerakan menyembor ubat DDT di-53 buah kampung di-kaempat2 buah daerah, ini termasuk kampung2 yang terletak di-sepanjang kawasan sempadan.

Laporan itu berkata, 1,510 buah rumah, pondok dan lain2 benaan telah di-semboi dengan menggunakan lebih kurang 3,292 LITRE ubat DDT.

Kampung2 itu mempunyai penduduk seramai 7,549 orang.

1,038 ORANG AKAN MASOK PEREKSA SIJIL2 S.C., F.M.C., G.C.E.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 1,038 orang chalon akan mengambil peperiksaan bersama Sijil Persekolahan Seberang Laut, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Pelajaran Am yang akan di-adakan pada penghujung bulan Oktober tahun ini.

Di-antara jumlah itu, 453 orang ada-lah chalon private dari Bandar Brunei dan Seria.

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei telah mendaftarkan sa-ramai 151 orang chalon.

Ini di-ikuti oleh Maktab

Anthony Abell di-Seria dengan 86 orang chalon.

Sa-ramai 161 orang chalon dari Sekolah Melayu Menengah Pertama, Bandar Brunei akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan bahasa Melayu.

Ini ada-lah kali keduanya penuntut2 dari sekolah itu akan mengambil peperiksaan itu.

Dalam tahun lepas, 14 dari 42 orang penuntut dari sekolah itu telah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Sementara itu, 86 orang

chalon akan mengambil peperiksaan Sijil Persekolahan Tinggi.

Empat puluh sembilan orang ada-lah dari Maktab SOAS dan 37 orang ada-lah chalon private dari Bandar Brunei dan Seria.

Peperiksaan2 itu akan di-adakan di-enam buah pusat — tiga di-Bandar Brunei dan tiga di-Seria.

Pusat2 peperiksaan itu ia-lah Maktab SOAS, S.M. Puser Ulak, Sekolah Menengah Melayu Pertama, Maktab Anthony Abell, Sekolah St. Margaret dan Sekolah St. Michael.

JAWATAN—JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan III

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelulusan:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran.

Tugas2:

Menerima dan menyimpan

alat2 dan barang2 yang di-beli dan mengeluarkan-nya kepada workshop2 latehan. Menjaga buku2 stock.

Gaji:

Dalam sukatan E. 1 — 2 EB 3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330 sa-bulan.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang

bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk tempoh perhubungan selama 6 bulan yang permulaan. Chalon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. akan di-lantik dalam jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantik sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tersebut tidak akan di-bayar kalau berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 23 Ogos, 1969.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalon2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Hanya mereka2 yang tinggal berdekatan dengan kawasan ini di-kehendaki memohon:—

- BILAL (1 jawatan) — bagi Masjid Hassanah Bolkiah Tutong.
- MERBUT (1 jawatan) bagi Masjid Hassanah Bolkiah Tutong.

Sharat2 Memohon:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui hukum2 Islam.
- Mengetahui dan bersedia

bagi menyempurnakan Fardhu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.


- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji:—

- BILAL — U2 \$200x10-400.
- MERBUT — U1 \$170x5-210/220x10-250.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 20hb. Ogos, 1969.





Pemangku Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Matnoor MacAfee sedang membacakan sembah ucapan sa-bagai wakil pegawai2 Kerajaan, rakyat dan penduduk Daerah Belait.

SISTEM PEMERENTAHAN DAN KEADAAN SIASAH DI-BAWAH BIMBINGAN D.Y.M.M. ADA-LAH AKAR TUNJANG KEUTOHAN NEGARA

KUALA BELAIT. — Pemangku Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Matnoor MacAfee selaku wakil pegawai2 Kerajaan dan rakyat penduduk daerah itu telah menyembahkan ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bahagai terhadap pimpinan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda.

Beliau menyembahkan bahawa pegawai2 kerajaan rakyat dan penduduk di-Daerah Belait akan sentiasa berusaha dengan sungguh2 untuk mengekalkan keamanan, kemakmoran, kesejahteraan dan kesentosaan Negeri Brunei yang sama2 di-chintai ini supaya benar2 kekal sa-bagai Brunei Darul Salam.

Sembah ucapan itu telah di-lafadzkan beliau dalam Istiadat Mengadap yang berlangsung pada hari Ahad lepas di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 yang di-ra'ikan di-daerah itu.

Dalam Istiadat itu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar telah mengikuti sembah ucapan2 dari Pemangku Pegawai Daerah, wakil2 kaum dan persatuan2 belia dan sa-terus-nya menyampaikan kurnia Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei selaku wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Sa-terus - nya, Pemangku Pegawai Daerah itu berdatang sembah bahawa segala langkai2 yang sedang dan akan di-laksanakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda untuk keselamatan, keamanan, kemakmoran dan kesentosaan rakyat dan penduduk negeri ini ada-lah di-yakini akan menchapai kejayaan yang memuaskan.

"Berani-lah hamba tuanku menyembahkan bagi mengakui bahawa sistem pemerintahan keadaan siasah di-bawah bimbingan Baginda ada-lah yang menjadi akar tunjang kestabilan dan keutuhan segala bidang Negeri Brunei yang di-

chintai ini", sembah ucapan beliau.

Dalam sembah ucapan itu, Pemangku Pegawai Daerah itu telah juga menyembahkan ucapan sa-tinggi2 tahniah kepada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri atas selamat-nya meluaran sa-orang puteri yang rupawan.

"Hamba2 tuanku sekaliian berdo'a semoga Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta puteri Baginda sentiasa berada dalam keadaan sehat wal-afiat dan kesejahteraan yang berkekalan."

Terdahulu dari itu, Pemangku Pegawai Daerah Belait juga telah menyembahkan kemajuan2 dan perkembangan2 yang telah, sedang dan akan di-laksanakan di-daerah itu.

Beliau berdatang sembah bahawa walau pun kemajuan dan perkembangan2 yang di-laksanakan itu tidak lengang dari rintangan2 seperti kekurangan kelengkapan dan tenaga yang di-kehendaki, namun pada keseluruhannya chabaran2 itu telah dapat di-atasi dengan memuaskan.

Dato Paduka Awang Matnoor berdatang sembah bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dalam usaha membekalkan perkhidmatan2, kemudahan2 bagi meninggikan taraf hidup rakyat tidak-lah hanya terbatas dalam lingkungan bandar sahaja, bahkan juga menumpukan usaha2 itu kepada rakyat dan penduduk di-pendalaman.

"Kemajuan2 bagi faedah2 rakyat dan penduduk pendalaman tidak-lah hanya menjadi bayangan indah di-atas kertas rancangan dan bukan sahaja sudah menjadi kenyataan, bahkan hampir keseluruhannya sudah dapat di-saksikan dengan bakti dan hasil-nya sedang dinikmati."

Ini, sembah beliau, ada-lah meliputi kepada lapangan2 pelajaran, kesihatan, bekalan ayer dan listrik, jalan2 raya dan usaha2 meninggikan taraf ekonomi dan pertanian.

Brunei akan menyertai Sokan Kejohanan Kebangsaan Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Brunei akan menyertai buat kedua kali-nya dalam Sokan

Perlawanan tarek kalat

KUALA BELAIT. — Pasokan Tarek Kalat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menewaskan pasukan Daerah Belait dalam perlawanan persahabatan tarek kalat yang berlangsung di-tanah lapang Jalan Penglima pada hari Ahad lepas.

Pasokan Baginda dengan mudah sahaja menewaskan lawan-nya dalam pusingan pertama dan kedua yang hanya mengambil masa kira2 dua minit.

Kerana kemenangan itu sabiji piala kenang2an hadiah dari jawatankuasa perayaan sambutan Hari Keputeraan Daerah Belait telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar kepada Ketua Pasokan Baginda, Yang Mulia Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Jaafar.

Sementara itu, dalam satu perlawanan tarek kalat peringkat akhir antara pasukan2 di-Daerah Belait, pasukan Lurong 5 telah berjaya menewaskan pasukan S.R.C. dalam kedua2 pusingan yang hanya mengambil masa kira2 2 minit.

Dengan kemenangan itu, pasukan Lurong 5 telah berjaya merebut Oskar Bank Kebangsaan Chawangan Belait.

Kejohanan Kebangsaan Malaysia yang ke-47 yang akan berlangsung pada 6 hingga 8 Ogos hadapan.

Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei telah memilih tujuh orang ahli sokan untuk mewakili negeri ini dalam sokan yang akan berlangsung sa-lama tiga hari di-Stadium City Council di-Pulau Pinang, Malaysia Barat.

Mereka itu ia-lah Zainal Sanif, Rani Metassan, Abdullah Mustapha, Rahim Yusof, Mathew Hoo, Chang Siew Khyun dan Sanah Tamit.

Ahli2 sokan itu juga akan menyertai Sokan Kejohanan Kebangsaan Singapura yang akan di-adakan di - Republik itu mulai 15 hingga 17 Ogos akan datang.

Awang Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar akan menyertai rombongan itu sa-bagai ketua rombongan dan Awangku Ibrahim bin Pengiran Damit, sa-bagai Setia Usaha rombongan.

Mereka akan berlepas ka-Malaysia Barat pada 4 Ogos, 1969.

Brunei telah menghantar tiga orang ahli sokan untuk menyertai sokan itu dalam tahun lalu.

SEMINAR PENDIDEKAN

(Dari Muka 1)

Di-majlis itu Majlis Belia2 akan menyampaikan keputusan seminar itu kepada Menteri Besar.

Pada malam itu juga Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara juga akan merasmikan pertunjokkan kebudayaan yang di-persembahkan oleh Seksi Kebudayaan Majlis Belia2 sa-bagai achara penutup seminar itu.

Tiket2 untuk menyaksikan Pertunjokkan Kebudayaan itu

yang berharga \$1.50 dan \$1.00 sekarang ini sedang di-jual oleh jawatankuasa pertunjokkan tersebut.

Semua peserta2 yang telah mendaftar diri ada-lah di-kehendaki hadir di-bangunan Sekolah Menengah Arab Hassanul Bolkih pada 1 Ogos, jam 7.30 pagi untuk mendaftar diri.

Persidangan penoh akan berlangsung di-sebelah petang-nya.